

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan Malaysia dan Kerajaan Singapura boleh menyelesaikan isu semakan semula harga air di bawah Perjanjian Air Sungai Johor tahun 1962 antara Malaysia dengan Singapura.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Gudang atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Pendirian Malaysia terhadap isu semakan semula harga air di bawah Perjanjian Air Sungai Johor tahun 1962 adalah amat jelas iaitu Malaysia mempunyai dan akan mengekalkan hak untuk menyemak semula harga air mentah yang dijual kepada Singapura seperti mana yang diperuntukkan dalam Perjanjian tersebut.

3. Perjanjian Air yang dimeterai pada tahun 1961 dan 1962 itu perlu dilihat dalam konteks rundingan ke arah pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Kadar 3 sen/1000 gelen bagi harga air mentah Johor dan 50 sen/1000 gelen bagi air terawat Singapura yang ditetapkan pada ketika itu mengambil kira gabungan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak untuk membentuk Malaysia.

4. Walaubagaimanapun, pada tahun 1965, kedua-dua negara telah berpisah dan ini telah dilaksanakan melalui Perjanjian Perpisahan 1965 (*1965 Separation Agreement*). Dalam komitmen kedua-dua negara menjamin pelaksanaan Perjanjian Air Sungai Johor 1962 melalui Perjanjian Perpisahan 1965, jaminan untuk menyemak semula harga air mentah turut terpelihara.

5. Seperti yang kita sedia maklum, jualan air mentah pada kadar 3 sen/1,000 gelen adalah terlalu rendah dan tidak menguntungkan negara. Sehubungan itu, Malaysia sentiasa menekankan pendirian Malaysia berhubung hak untuk menyemak semula harga air mentah, semasa pertemuan-pertemuan dua hala dengan pihak Singapura.

6. Untuk makluman Dewan yang mulia juga, proses perbincangan mengenai semakan semula harga air mentah di bawah Perjanjian Air

Sungai Johor tahun 1962 telah diaktifkan semula sejak Julai 2018 iaitu semasa lawatan rasmi mantan YB Menteri Luar Negeri ke Singapura pada 30 hingga 31 Julai 2018.

7. Mantan YB Menteri Luar Negeri juga telah mengadakan perjumpaan dengan Menteri Luar Singapura pada 2 Disember 2019 untuk membincangkan isu-isu berkaitan semakan harga air mentah. Lanjutan itu, pada 30 Januari 2020, Menteri Luar Singapura telah mengadakan pertemuan dengan mantan YB Menteri Luar Negeri bagi memberi respon dan pendirian Singapura berkaitan isu-isu yang dibangkitkan oleh Malaysia pada 2 Disember 2019.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Untuk makluman Dewan yang mulia, rundingan antara kedua-dua Kerajaan mengenai semakan semula harga air di bawah Perjanjian Air Sungai Johor tahun 1962 terpaksa dihentikan buat sementara waktu disebabkan penularan wabak COVID-19 sejak bulan Januari 2020. Perbincangan dan rundingan akan diteruskan semula selepas krisis COVID-19 di Malaysia dan Singapura pulih sepenuhnya.

9. Namun, sekali lagi saya ingin tegaskan bahawa Malaysia akan terus berpegang kepada pendirian untuk mengekalkan hak semakan harga air mentah yang dijual kepada Singapura, selepas 25 tahun Perjanjian 1962 berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.